

30 NOV 1996

Mahathir-Mesyuarat

JEPUN, CHINA DAN KOREA SELATAN MUNGKIN HADIRI SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI
KEDUA ASEAN

JAKARTA, 30 Nov (Bernama) -- Malaysia, yang akan menganjurkan Sidang Kemuncak Tidak Rasmi kedua Asean, mungkin memjemput pemimpin-pemimpin Jepun, China dan Korea Selatan menghadiri mesyuarat itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika bercakap pada persidangan berita pada penghujung Sidang Kemuncak Tidak Rasmi pertama Asean, yang diadakan sehari di sini, beliau berkata pemimpin ketiga-tiga negara itu mungkin dipelawa sebagai tetamu Asean ke mesyuarat itu yang juga bersempena ulangtahun ke-30 pertubuhan serantau itu.

"Kita juga mungkin menjemput negara lain tetapi ia akan diputuskan kelak," katanya.

Ketiga-tiga negara itu dijangka menganggotai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), forum perundingan yang bertujuan mempertingkatkan kerjasama ekonomi antara negara-negara di rantau ini.

Selain ketiga-tiga negara itu, sidang kemuncak tidak rasmi di Kuala Lumpur itu akan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin Kemboja, Laos dan Myanmar.

Mengenai isu kepulauan Sipadan dan Ligitan, Dr Mahathir berkata keputusan Malaysia dan Indonesia untuk membawa pertikaian itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) tidak akan menjadi contoh yang buruk atau menjejaskan konsep Asean dalam menyelesaikan masalah mereka.

"Adalah diterima bahawa mesti ada cara menyelesaikan pertikaian itu antara kedua-dua negara dengan melibatkan sebuah mahkamah berbanding mengadakan perbincangan berterusan atau melibatkan jiran-jiran kita yang mungkin tidak mahu terlibat atau yang mungkin mempunyai perkara lain dalam agenda mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata pertikaian itu dirujuk ke ICJ dan bukannya Majlis Tinggi Asean (AHC) kerana terdapat masalah kecil yang menyukarkan Malaysia menggunakan mekanisme Asean.

"Semua negara Asean mempunyai tuntutan terhadap Malaysia. Kita berada di tengah-tengah Asean dan kita mempunyai masalah persempadanan dengan semua keenam-enam anggota Asean.

"Oleh itu, Asean tidak dapat membuat penentuan kerana semuanya terlibat. Terdapat percanggahan kepentingan yang menyebabkan Malaysia dan Indonesia memutuskan untuk mencuba cara lain iaitu dengan merujuk kepada mahkamah dunia. Saya rasa itu adalah satu cara untuk menyelesaikan masalah ini dan ia adalah satu cara yang baik," katanya.

Beliau berkata sebelum ini, Malaysia juga bersetuju dengan Singapura untuk membawa pertikaian mereka mengenai "satu batu kecil di tengah-tengah laut" ke mahkamah dunia.

Ketika ditanya sama ada tuntutan terhadap ketuanan di Laut China Selatan boleh diselesaikan dengan cara yang sama, Dr Mahathir berkata: "Sudah tentu ia boleh diselesaikan oleh Mahkamah Antarabangsa jika semuanya bersetuju."

Bagaimanapun, beliau berkata nampaknya akan ada pihak yang tidak bersetuju dengan tindakan sedemikian dan oleh itu ia tidak dapat diselesaikan menerusi mahkamah antarabangsa.

"Kita terpaksa cari cara lain untuk mengatasi masalah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga memberi taklimat kepada para pemimpin Asean mengenai kemajuan Pembangunan Lembangan Mekong dan para pemimpin berkenaan membincangkan perkara itu dengan mendalam.

Malaysia merupakan negara penyelaras bagi projek itu.

Dr Mahathir berkata perbincangan itu memberi tumpuan khusus kepada cadangan projek kereta api merentasi sempadan Asia.

"Kita kini menerima bahawa sebenarnya terdapat tiga laluan kereta api. Satu akan merentasi Myanmar hingga ke China, satu lagi menerusi Laos dan sekali lagi hingga ke China dan satu lagi menerusi Kemboja, Vietnam dan kemudian ke China," katanya.

Projek itu akan diuruskan oleh sektor swasta dan dicadangkan bahawa sebuah konsortium syarikat negara-negara Asean ditubuhkan bagi membolehkannya menjalankan keseluruhan projek itu untuk menentukan bahagian-bahagian yang tidak membawa untung diberikan lebih subsidi atau oleh segmen yang mempunyai keuntungan lebih.

Beliau berkata terdapat juga perbincangan mengenai kemudahan pelancongan di Laos dan di negara-negara lain. -- BERNAMA

TEAM NAK